

Abstrak thesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

KEPIMPINAN BERKESAN DI KALANGAN
AHLI JAWATANKUASA RUKUN TETANGGA
DALAM MASYARAKAT PELBAGAI BUDAYA MALAYSIA

Oleh

MADINAH MOHAMAD

Mei 2012

Pengerusi: Profesor Abu Daud Silong, PhD

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Bagaimakah Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga (AJK RT) dapat menjadi seorang pemimpin masyarakat yang lebih berkesan? Ini merupakan satu penyelidikan kualitatif yang meneliti kepimpinan dalam konteks masyarakat Malaysia. Kepimpinan berkesan diterangkan melalui beberapa teori seperti tret, tingkahlaku, situasi dan teori kepimpinan yang baru muncul. Dalam konteks kajian ini, kepimpinan berkesan dihubung kaitkan dengan pembangunan masyarakat, di mana pemimpin memainkan peranan yang kritikal dalam memperbaiki masyarakat dari segi ekonomi, sosial, budaya dan kerohanian. Dalam menjawab soalan utama kajian, data dikumpul melalui temubual focus berkumpulan dan temubual secara mendalam. Temubual berfokus melibat enam kumpulan yang terdiri dari AJK RT manakala temubual secara mendalam melibatkan lapan orang pengerusi RT. Data dari kedua-dua temubual direkod, dikod dan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Antara penemuan utama kajian termasuklah: (1) Respon dan menjadi pemimpin masyarakat kerana mempunyai keinginan yang tinggi untuk berkhidmat dengan masyarakat, motivasi yang tinggi untuk membuat sesuatu, minat yang tinggi dan mempunyai keupayaan untuk menjadi pemimpin masyarakat,

minat yang tinggi untuk terlibat dalam kerja sukarelawan dan mendapat sokongan yang baik dari anggota keluarga dan kawan; (2) Pemimpin masyarakat mengendalikan beberapa peranan kepimpinan masyarakat seperti sebagai seorang agen perubahan, penyelesai masalah, pengurus, ahli komunikasi, orang tengah, penghubung sumber dan memimpin masyarakat pelbagai kaum; (3) Dalam memimpin masyarakat, gaya kepimpinan partisipatif merupakan yang terbaik. Dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pemimpin, penglibatan orang ramai amat diperlukan. Penglibatan orang ramai seperti Ahli Jawatankuasa Persatuan, anggota masyarakat dan juga pihak yang berkenaan akan member hasil yang lebih baik; (4) Penyelidikan telah mengenalpasti beberapa kompetensi yang diperlukan oleh pemimpin masyarakat di Malaysia yang meliputi kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran hidup dalam masyarakat pelbagai kaum, kemahiran komunikasi dan antara perseorangan, kemahiran membuat keputusan, kemahiran membawa perubahan, kemahiran menyelesaikan konflik, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kerja social dan kesukarelawanan, kemahiran mendapatkan sumber kewangan, kemahiran melaksanakan program masyarakat, kemahiran membangunkan nilai murni dan amalan kepimpinan dan kemahiran ICT. Kompetensi tersebut tidak jauh berbeza dari kompetensi yang dikenalpasti untuk pemimpin dalam situasi yang berlainan seperti organisasi swasta dan awam. Kompetensi ini merupakan yang umum untuk semua pemimpin seperti kebolehan berkomunikasi secara berkesan, bekerja dalam kumpulan, mengurus, membawa perubahan dan membangunkan nilai murni dan amalan kepimpinan yang baik.Apa yang berbeza ialah konteks sesuatu kepimpinan, dan dalam penyelidikan ini, ia memfokuskan kepada kepimpinan masyarakat pelbagai kaum. Dengan itu peranan kepimpinan ialah untuk membangunkan sebuah masyarakat yang kukuh, aman dan bersatu padu dan dengan itu

kompetensi berkait dengan memimpin dalam konteks yang berbeza merupakan kunci kejayaan pemimpin komuniti. Satu lagi aspek yang penting ditekankan dalam kajian ini ialah tentang kerja kesukarelawanan. Berdasarkan penemuan kajian, keberkesanannya kepimpinan masyarakat boleh diperbaiki melalui latihan dan pembangunan pemimpin secara sistematis.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of
the partial requirement of the Degree of Doctor of Philosophy

EFFECTIVE LEADERSHIP AMONG COMMITTEE
MEMBERS OF NEIGHBORHOOD ASSOCIATIONS IN
A MALAYSIAN MULTICULTURAL COMMUNITY

By

MADINAH MOHAMAD

May 2012

Chair: Professor Abu Daud Silong, PhD

Faculty: Educational Studies

How can a Neighborhood Committee Member become a more effective community leader? This is a qualitative research that examines effective leadership in the context of a Malaysian community. Effective leadership is explained through various theories such as traits, behavioral, situational and emerging leadership theories. In the contexts of this study, effective leadership is linked to community development, where leaders play the critical role in improving the community economically, socially, culturally and spiritually. In answering the main research question, data are gathered qualitatively through focus group interviews and also in-depth interviews. The focus interviews involved six groups of committee members of the Malaysian Neighborhood Associations or locally known as *Rukun Tetangga* in the Klang Valley area while the in-depth interviews include eight selected Chairmen of the Neighborhood Associations in the state of Penang. The data from both interviews were recorded, coded and analyzed using the qualitative method. Some of the major findings of the research are: (1) The respondents became community leaders because of a strong desire to serve the

community, a strong motivation to want to do something, a strong interest in becoming community leaders, a great interest in participating in voluntary activities and good support from family members and friends; (2) The community leaders performed various leadership roles such as being a change agent, problem solver, manager, communicator, negotiator and resource-linker and leading a multiracial society; (3) In leading a community, the participative leadership style is considered more desirable. In performing their roles as leaders, there is a strong need to involve others in the process. Involvement of people such as the committee members of the association, members of the community and other relevant parties will ensure better results. (4) The research has identified various competencies required by community leaders in Malaysia that include problem-solving skills, living skills in a multi-racial community, communication and interpersonal skills, decision-making skills, skills in bringing about change, skills related to conflict resolution, team-work skills, social and volunteer work skills, skills in acquiring funds and resources, skills in conducting programs for the community, skills in developing good values and leadership practices and ICT skills. The competencies are not very different from competencies identified for leaders in other situations such as public and private organizations. These are some competencies that are common to all leaders in most situations such as the abilities to communicate effectively, work in teams, manage, bring change, develop others, build and maintain relationships, lead diversity and differences and develop good values and leadership practices. The only major difference is the context of leadership, and in this study it focuses on community leadership in a multi-racial society. Hence the main role of leadership is to build a strong, peaceful and united community and thus competencies related to leading diversity and differences is one of the keys to the success of community leadership.

Based on the findings of the study, community leadership effectiveness can be improved through systematic training and development of leaders.